

Headline	Doktor gigi jalanan sebar HIV, Hepatitis B		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	56	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,974



# 'Doktor' gigi jalanan sebar HIV, Hepatitis B

**P**UTRAJAYA: Kehadiran 'doktor' gigi jalanan tidak bertauliah yang didalangi warga asing di negara ini amat membimbangkan berikutan tindakan mereka boleh menyebarkan penyakit merbahaya seperti HIV dan Hepatitis B.

Doktor gigi yang biasanya menjalankan kegiatan di tempat tumpuan ramai seperti kaki lima, kedai kopi dan pasar, tepi bangunan, kawasan tersembunyi dan temu janji rumah ke rumah tidak menggunakan peralatan tidak dibasmi kuman (disteril) mengikut prosedur ditetapkan, termasuk playar atau pemutar skru yang sudah berkarat.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Norain Abu Talib, berkata perkhidmatan mereka mendapat sambutan daripada warga asing dan tempatan kerana dipercayai mengenakan caj murah tanpa menghiraukan risiko yang bakal dihadapi.

Katanya, selain mencabut gigi, mereka turut menyedia-

kan perkhidmatan gigi palsu terpakai, 'crowning' dan 'bridge' kepada pelanggan.

Beliau berkata, berdasarkan aduan orang ramai kegiatan ini sering dikesan di Klang, Sentul, Jalan Pasar, Pudu dan Chow Kit, bagaimana pun, kegiatan mereka sukar dibanteras kerana kebanyakan mereka sering berpindah-randah, dan licik menghidu pihak berkuasa yang menjalankan operasi penguatkuasaan.

"Kebanyakan doktor gigi ini adalah warga asing yang masuk ke negara ini menggunakan visa pelancong dan menjalankan kegiatan pergigian secara haram di kaki lima, kedai kopi atau tepi bangunan.

"Selalunya mereka mempromosi rawatan melalui perbualan mulut ke mulut dan edaran kad nama, risalah dan poster kepada orang ramai.

"Memandangkan mereka menjalankan rawatan secara haram, mereka cenderung berpindah dari satu lokasi ke satu lokasi lain serta dari satu negeri ke negeri lain

bagi mengelakkan mereka dijejaki pihak penguatkuasa," katanya kepada Harian Metro di pejabatnya di sini, semalam.

Dr Norain berkata, rawatan yang disediakan 'doktor' gigi jalanan ini tidak mengutamakan kebersihan kerana kebanyakan mereka beroperasi di kawasan sesak dan mudah terdedah kepada pelbagai penyakit dan jangkitan kuman.

Lebih menjijik dan meloyakan, mereka tidak menggunakan sarung tangan dan topeng muka, sekali gus memudahkan penyakit berjangkit melalui air liur, darah dan kuman dari mulut satu pesakit ke pesakit lain.

"Peralatan pergigian yang digunakan juga tidak dibasmi kuman (disteril), dan ada juga yang tidak dicuci, sebaliknya hanya dilap dengan kain kotor dan digunakan berulang kali.

"Malah, terdapat kes di mana tiada bekalan air untuk membasuh peralatan berkenaan, dan peralatan sama digunakan kepada pesakit lain," katanya.